

Tawar ganjaran lebih RM500,000

AEON BiG (M) Sdn Bhd menawarkan lebih banyak ganjaran kepada pelanggan-nya selama 96 hari sehingga 31 Disember ini sempena sambutan ulang tahunnya yang ketujuh bertemakan '7 Wonderfull Anniversary'.

Pengarah Urusannya, Masayoshi Masuda berkata, perjalanan sepanjang tujuh tahun ini sememangnya cukup bermakna dan ia tidak boleh dikecapi tanpa sokongan dan keyakinan pelanggan serta rakan kongsi perniagaan.

Katanya, pihaknya akan terus menawarkan promosi dan tawaran terbaik yang akan memacu pelanggan untuk terus berbelanja di AEON BiG.

"Untuk menunjukkan penghargaan kepada pelanggan dan kakitangan, kami menawarkan hadiah lebih setengah juta ringgit menerusi Peraduan Big Win & Fly Big.

"Berrepatan cogan kata 'Celebration Our Milestone With You' dan sebagai menunjukkan penghargaan kepada pelanggan dan kakitangan, kami menawarkan hadiah bernilai daripada RM500,000 menerusi Peraduan Big Win & Fly Big.

"AEON BiG juga akan memberikan promosi hebat, tawaran hujung minggu dan perkongsian eksklusif bersama rakan niaga kami bagi memberikan yang



MASAYOSHI
(tiga dari kiri)
dan Chong memotong kek ulang tahun **AEON BIG**.

adalah sesuatu yang cukup membanggakan. "Ini adalah inisiatif terbaik dimainkan oleh pemain besar di pasaran dan kami memerlukan usaha seperti ini untuk memberi manfaat kepada industri kecil dan juga pengguna," katanya.

Peraduan ini memberi peluang kepada pelanggan memenangi hadiah bernilai RM500,000 termasuk kad hadiah Aeon Big, barangan elektrik seperti peti sejuk, mesin basuh, televisyen LED dan tujuh pemenang utama berpeluang memenangi bawcer percutian untuk dua orang bernilai RM30,000.

Selain aktiviti di pasar raya besar, kedai dalam talian AEON BiG di Shopee juga menawarkan promosi khas dan tujuh pembeli bertuah yang membuat belian sehingga 30 November ini berpeluang memenangi mesin basuh bernilai RM1,349 setiap satu.

bagi memasuki pasaran, kini syarikat itu berjaya membuktikan keupayaan mereka.

"Inisiatif yang diambil AEON BiG dengan membuat pengecualian yuran penyelesaian bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menyenaraikan barangan mereka di pasar raya besar ini dan menawarkan tempoh pembayaran 30 hari juga

BiG juga menawarkan harga bermula dengan nombor 7 seperti RM0.70, RM7, RM70 dan diskaun 70 peratus untuk pembelian unit kedua serta banyak lagi aktiviti menarik sepanjang sambutan ulang tahun ini," katanya.

Sementara itu, Chong berkata, walaupun terpaksa berhadapan cabaran untuk membina nama

terbaik kepada pelanggan sepanjang 96 hari itu," katanya selepas majlis perasmian sambutan Ulang Tahun Ketujuh yang Hebat di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Majlis dirasmikan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP), Chong Chiew Jen. Kata Masayoshi, AEON